

## **GARIS PANDUAN PENUBUHAN ASAS RCOE**

<b>KRITERIA</b>	<b>KETERANGAN</b>
1. Bidang penyelidikan yang difokuskan tidak boleh bertindih dengan bidang penyelidikan sedia ada di institut.	1. Bidang penyelidikan yang difokuskan tidak boleh bertindih dengan bidang penyelidikan sedia ada di institut. <b>Perlu jelaskan niche area yang dipilih dan synopsis lengkap berkenaan bidang penyelidikan yang dipilih.</b>
2. Sekurang-kurangnya lima (5) orang Penyelidik Utama	2a. Sekurang-kurangnya <b>lima (5) orang Pegawai Akademik</b> sebagai <b>Penyelidik Utama fakulti yang sama</b> dan tidak termasuk Pasca Doktorat, Pegawai Penyelidik atau Pasca Siswazah. <b>Sekurang-kurangnya, seorang ahli pegawai akademik dalam kategori Profesor atau Prof. Madya.</b>
	2b. Sekurang-kurangnya <b>dua (2) orang ahli Penyelidik Bersekutu</b> terdiri daripada ahli akademik <b>dari Fakulti luar</b> yang mempunyai niche area berkaitan Pusat Kecemerlangan.
3. Mempunyai dana penyelidikan terkumpul (sedia ada) sekurang-kurangnya seperti mana berikut; RM1,500,000 bagi bidang Sains dan Teknologi (S&T); atau RM750,000 bagi bidang Sains Sosial dan Kemanusiaan (SS).	3. <b>Penyelidik Utama</b> perlu mempunyai dana penyelidikan terkumpul (sedia ada) sekurang-kurangnya sepertimana berikut; <b>RM1,500,000</b> bagi bidang Sains dan Teknologi (S&T); atau <b>RM750,000</b> bagi bidang Sains Sosial dan Kemanusiaan (SS) dalam tempoh <b>3</b> tahun.

<p>4. Hasil penerbitan daripada penyelidik perlu mempunyai affiliasi nama Pusat Kecemerlangan (RCOE) tersebut.</p>	<p>4a. <b>Penyelidik Utama</b> perlu mempunyai sekurang-kurangnya <b>empat (4) penerbitan artikel CIJ per staf ATAU secara keseluruhan perlu ada 20 penerbitan artikel CIJ per tahunan (sebagai Senior Author)</b>. Sebagai contoh jika mengambil kira penilaian bagi tempoh 3 tahun maka perlu ada:</p> <p>i) 20 penerbitan x 3 tahun = 60 penerbitan artikel CIJ (sebagai Senior Author (SA))</p> <p>Definisi Penulis Kanan (Senior Author) adalah seperti <b>Lampiran</b>.</p>
	<p>4b. Perlu terdapat bukti kerjasama dalam kalangan penyelidik melalui geran penyelidikan atau penerbitan dalam tempoh 3 tahun.</p>
<p>5. Pelaporan aktiviti penyelidikan dan tadbir urus semasa RCOE</p>	<p>5. Ketua RCOE perlu melaporkan kepada Dekan Fakulti.</p>
<p>6. Penilaian pencapaian akan dinilai menggunakan Instrumen RCOE</p>	<p>6. <b>Melempi 65 markah keseluruhan menggunakan "Instrumen RCoE"</b>. Data yang digunakan dalam penilaian berdasarkan kepada pencapaian <b>selama tiga tahun tidak termasuk tahun semasa</b>.</p>

## LAMPIRAN

### DEFINISI SENIOR AUTHOR

Berikut merupakan ketetapan Jawatankuasa Pemilih (Guru) mengenai definisi Senior Author (SA) bagi penerbitan:

- i. Penulis Utama (Main Author);
- ii. Penulis Penghubung (Corresponding Author);
- iii. Penyelia Utama kepada pelajar yang menjadi Penulis Utama / Pertama/ Penghubung;
- iv. Nama pertama dari kalangan pegawai akademik UPM yang disebut di dalam senarai penulis untuk penerbitan yang dibuat oleh Penulis Utama dan Penulis Penghubung daripada luar UPM;
- v. Sekiranya tidak termasuk dalam perkara (i) – (iv), boleh juga dipertimbangkan sekiranya pemohon adalah ketua geran yang menaja projek berkenaan yang menghasilkan penerbitan tersebut.